

22/06/2002

Puteri Umno makin sarat dengan harapan

PERISYTIHARAN Pergerakan Puteri sebagai sayap baru Umno selesai sudah. Status ketuanya setaraf Ketua Pemuda dan Ketua Wanita berkedudukan Naib Presiden, menyerlahkan Puteri diiktiraf sumbangan pentingnya. Cara 'pemasyhurannya' juga tidak mungkin lebih meriah daripada yang diterima dalam Perhimpunan Agung Umno kali ini sehingga mereka menjadi tumpuan. Sebagaimana diungkapkan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ketika membentangkan usul pindaan perlembagaan bagi kemasukan Puteri dalam kerabat Umno kelmarin, pengiktirafan sudah diberi dan kini pergerakan itu harus membuktikan keupayaannya.

Jauh daripada mengharap diumpamakan sebagai kelab eksklusif atau kelompok elit, sebaliknya Puteri tidak akan terlepas daripada tumpuan kepemimpinan Umno untuk membantu memperkasakan parti selepas ini. Ke arah itu, Puteri hendaklah mempunyai fokus khusus tanpa terlalu ghairah untuk melakukan serba-serbi. Tetapkan jadual dan perancangan dan berusaha mencapai satu-persatu. Dengan cara itu, mereka tidak akan tergelincir daripada landasan sepatutnya.

Sebagai platform bagi wanita muda belajar dan berjinak-jinak dengan politik, kumpulan sasaran Puteri tidak harus melebihi kelompok berkenaan. Daripada 11 juta rakyat yang lahir ketika tempoh 21 tahun kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri, kira-kira 500,000 daripada mereka akan layak mengundi dalam pilihan raya umum akan datang. Puteri boleh mengorak langkah dengan mendekati sebahagian mereka di samping membina jambatan untuk menghubungkan wanita muda profesional Melayu dan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) dengan Umno.

(END)